

FLUNCO[®] 200 CAPSULE

Fluconazole (200 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Flunco
2. Bagaimana Flunco berfungsi
3. Sebelum menggunakan Flunco
4. Cara menggunakan Flunco
5. Semasa menggunakan Flunco
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Flunco
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Flunco

Flunco merupakan ubat anti kulat. Ia digunakan untuk merawat pelbagai jenis jangkitan kulat. Anda akan diberikan Flunco jika ditimpa:

- Jangkitan dengan kulat *Cryptococcus neoformans* seperti penglibatan lapisan yang meliputi otak dikenali sebagai *cryptococcus meningitis* dan jangkitan pada organ lain seperti kulit dan paru-paru.
- *Systemic candidiasis* – ia menyerang melalui aliran darah dan menjangkit organ-organ yang berbeza termasuk penutup visceral organ-organ ini. (paru-paru, usus, jantung, saluran kencing)
- *Genital candidiasis* – jangkitan yis *Candida* di sekitar faraj dan zakar
- Pencegahan daripada infeksi terutamanya dalam golongan pesakit yang mempunyai sistem pertahanan badan yang lemah atau lumpuh.

Bagaimana Flunco berfungsi

Flunco ialah ubat antikulat yang melumpuhkan kulat dengan mengganggu membrane sel mereka. Ini menjejaskan pembiakan dan replikasi kulat, dan menjejaskan bilangan kulat dalam badan.

Sebelum menggunakan Flunco

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Flunco, jika anda:

- Mempunyai alahan terhadap Fluconazole dan pernah mengalami reaksi hiperpeka terhadapnya atau mana-mana jenis kandungan Flunco yang tercatat dalam risalah ini.
- Menghadapi penyakit hati atau sejak baru-baru ini mendapati bahawa ujian darah anda berkaitan dengan hati tidak beberapa sempurna.
- Pernah mengalami reaksi kulit parah seperti Steven-Johnson Syndrome, dan Toxic

Epidermal Necrolysis selepas mengambil antibiotik

- Sedang hamil
- Sedang menyusui bayi

Sebelum mula menggunakan Flunco

Beritahu doktor anda jika anda:

- Mempunyai sebarang penyakit hati atau jika anda baru-baru ini mengetahui bahawa anda mempunyai profil darah hati yang tidak normal.
- Mempunyai apa-apa alahan berkaitan dengan dadah pada masa lalu

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

Jenis ubat	Contoh Ubat
Ubat untuk merawat jangkitan bakteria dan batuk kering	<i>Rifampicin</i> dan <i>Rifabutin</i>
Ubat yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah	<i>Acenocoumarol</i> dan <i>Warfarin</i> serta antikoagulan jenis Koumarin
Ubat diabetik	<i>Sulphonylureas-Tolbutamide, Glipizide, Chlorpropamide</i> dan <i>Glibenclamide</i>
Ubat untuk merawat sawan	<i>Phenytoin</i>
Ubat untuk merawat alahan	<i>Terfenadine</i>
Ubat untuk merawat untuk <i>Human Immunodeficiency Virus</i> (HIV)	Zidovudine
Ubat penenang dan hipnotik	Midazolam
Ubat untuk mengelakkan penolakan pemindahan organ selepas organ transplan	<i>Ciclosporin</i>
Ubat tekanan darah tinggi	<i>Hydrochlorothiazide</i>
Ubat untuk mengelakkan	<i>Tacrolimus</i>

penolakan pemindahan organ	
Ubat untuk merawat penyakit refluks gastroesophageal-senak	<i>Cisapride</i>
Ubat yang digunakan dalam terapi untuk penyakit pernafasan	<i>Theophylline</i>

Semasa mengandung dan menyusui bayi

Adalah penting bahawa anda maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau bercadang untuk mengandung atau menyusui bayi. Penggunaan Flunco semasa berandung mampu membawa kesan-kesan kecacatan kongenital terhadap bayi. Flunco terhad kepada pilihan terakhir. Anda harus berbincang dengan doktor anda tentang rawatan dengan ubat-ubat yang lain terlebih dahulu.

Cara menggunakan Flunco

Sentiasa ambil Flunco seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor akan menetapkan dos yang sesuai mengikut keadaan anda. Dos mungkin berbeza dari 50mg-400mg yang diambil sekali sehari atau sebagai dos tunggal bergantung pada keadaan anda.

Warga Tua

Jika seseorang tidak mengalami sebarang penyakit buah pinggang, dos biasa untuk orang dewasa perlu diberikan.

Sekiranya anda mempunyai penyakit buah pinggang, sila dapatkan nasihat daripada doktor sebelum mengambil Flunco.

Kanak-kanak

Dos adalah 6-12mg/kg/hari, bergantung kepada keparahan penyakit.

Dos untuk pencegahan jangkitan pada kanak-kanak dengan sistem imun yang lemah ialah 3-12mg /kg/hari, bergantung kepada keputusan ujian darah kanak-kanak.

Dos maksimum harian tidak boleh melebihi 400mg setiap hari.

- Bila perlu digunakan

Sila ambil Flunco seperti diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor anda. Adalah penting untuk anda terus mengambil ubat ini walaupun anda telah berasa sihat.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan halusinasi and tingkah laku paranoid.

Semasa menggunakan Flunco

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sila pastikan anda mengambil ubat ini seperti arahan doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat daripada doktor jika anda meragu.
- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau bercadang untuk mengambil ubat yang baru. Ini termasuk ubat jenis tradisional dan viatamin.
- Sila maklumkan kepada doktor jika anda mengalami kesan-kesan sampingan atau berasa kurang selesa.
- Jika diarahkan oleh doktor untuk mengambil ubat yang baru, maklumkan kepada doktor bahawa anda mengambil Flunco.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat anda tanpa berunding dengan doktor anda. Adalah penting untuk melengkapkan preskripsi anda kecuali diarahkan oleh doktor anda untuk berhenti, jika tidak, jangkitan mungkin bertambah buruk.
- Jangan gunakan Flunco selepas tarikh luput yang dinyatakan pada karton.

- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mempunyai penyakit atau tanda-tanda yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Adalah penting bahawa anda konsisten ujian darah anda. Ini akan membantu doktor anda memantau kejadian keracunan hati yang mungkin berlaku dengan penggunaan Flunco, terutamanya penggunaan dadah jangka panjang.
- Jika anda memerhatikan bahawa kulit serta mata berkuning, sila maklumkannya kepada doktor anda. Ini merupakan kesan ketosikan terhadap hati.
- Jika anda mengalami ruam atau kesan-kesan seperti dicatat di bawah.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Flunco boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan biasa:

- Rasa mual
- Sakit perut
- Cirit-birit
- Kembang perut
- Ruam seperti ruam berlepuh dan lain-lain.

Kesan jarang:

- Kentut
- Perut kembang
- Mulut kering
- Sedu
- Senak
- Komplikasi hati yang serius

Lain-lain:

- Pengurangan kiraan darah mungkin nyata sebagai lebam dengan mudah, letih dan kelemahan serta sering jatuh sakit.
- Sawan
- Keguguran rambut
- Kulit mengelupas
- Kemerahan kulit
- Penyakit seperti *Steven Johnsons Syndrome* dan *epidermal necrolysis* yang mengancam nyawa dan perlu diberikan rawatan dengan serta-merta
- Perubahan profil darah pada hati, darah dan buah pinggang
- Sakit kepala
- Pening
- Kesukaran bernafas, bengkak dan ruam

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public -> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Flunco

- Penyimpanan

Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C. Jauhi daripada kanak-kanak/

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk putih diisi dalam kapsul ungu-putih no. 0, yang mengandungi huruf "FLUNCO 200".

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
Setiap kapsul mengandungi 200.0mg Fluconazole.

- Bahan tidak aktif
Corn starch, magnesium stearate, sodium starch glycolate, microcrystalline cellulose.

- Bungkusan

Bungkusan aluminium berlepuh berjenis polystyrene-low density polyethylene yang mengandungi 10 kapsul Flunco.

- Nombor MAL

MAL20040089AZ

Pengilang

T.O. CHEMICALS (1979) CO. LTD.
280 Soi Sabaijai, Suthisarn Road,
Bangkok 10310,
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS PHARMA SDN. BHD.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/03/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)081217/00349